

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 09 Ogos 2016 8:29
To: UUM - All Staff
Subject: NCRC KE ARAH PENGURUSAN FAIL DAN REKOD YANG LEBIH EFISIEN



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

SELASA, 9 OGOS 2016 | 6 ZULKAEDAH 1437H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



NCRC KE ARAH PENGURUSAN FAIL DAN REKOD YANG LEBIH EFISIEN

NCRC ONLINE : Satu sesi Taklimat Pengurusan Fail dan Rekod telah dilaksanakan oleh Northern Corridor Research Centre (NCRC) pada 18 Julai 2016 yang lalu disertai oleh semua kakitangan NCRC. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan proses pembelajaran semula kepada staf berkaitan pengurusan fail dan rekod yang cekap dan efektif berikutan perubahan struktur baru jabatan dan juga pertukaran portfolio.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan staf dalam kerja pengurusan rekod dan fail. Selain itu juga ia bertujuan bagi memberikan pengetahuan dan kefahaman mengenai cara-cara pengurusan rekod, pengendalian dan penyimpanan rekod yang betul, sistematik, cekap dan berkesan.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Yati Arikah Mohd Yusoff, Penolong Pengarah NCRC yang berkongsi pengetahuan serta prosedur pengurusan fail dan rekod secara asas.

Secara keseluruhannya bengkel ini berjaya mencapai objektif dan matlamat penganjurannya bagi meningkatkan pemahaman kakitangan semua staf NCRC dalam mengendalikan fail dan rekod pejabat. Diharap dengan adanya taklimat ini staf mampu membuat penambahbaikan terhadap sistem rekod dan fail di pejabat.

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my

